

Oleh Sarah Aina Shawal
sarahnaina@bh.com.my

Kuala Lumpur

Kemuncak Anugerah Ikon Varsiti BH yang akan berlangsung pada 27 Februari ini semestinya menghadirkan debaran kepada tiga finalis kategori sukan yang bersaing hebat untuk dinobatkan sebagai juara kali ini.

Ketiga-tiga finalis yang terbabit dalam sukan golf, ragbi dan mendaki gunung ini bakal diangkat sebagai ikon berdasarkan pencapaian dalam bidang sukan masing-masing serta kecemerlangan dalam akademik.

Penuntut Pengajian Komunikasi, Universiti Putra Malaysia (UPM), Anwarrul Aswad Ahmad, 25 aktif dalam sukan ragbi sejak berusia 17 tahun ketika menuntut di Sekolah Teknik Juassee Kuala Pilah, Negeri Sembilan.

Kini, selaku kapten pasukan ragbi UPM, bakat dan kemampuannya mula menyerlah apabila dipilih sebagai pemain terbaik pasukan ragbi Segamat 10s dan pemain terbaik Putrajaya 7s pada 2011.

Beliau turut cemerlang dalam aktiviti kampus apabila dilantik sebagai ahli Majlis Perwakilan Pelajar (MPP) UPM sebagai Exco Sukan dan Rekreasi.

Selain itu, beliau turut terpilih menerima Anugerah Putra Harapan, UPM pada 2013 dan calon Anugerah Olahragawan Harapan UPM (2012).

Pencapaian terbaiknya apabila terpilih menyertai pasukan kebangsaan pada Kejohanan Sukan

Finalis Ikon Varsiti Sukan

» Tiga calon miliki kelebihan tersendiri dalam bidang sukan

Asia 2010, di Guangzhou, China dan World Universiti Games Asia 7s series di Perancis, Paris, pada 2012, SCC Sevens di Singapura 2013.

Mengharumkan nama negara
Seorang lagi finalis Universiti Teknologi Malaysia (UTM), Azim Afif Ishak, 24 berjaya mengharumkan nama universiti itu menerusi sukan pendakian yang diceburi.

Azim menjulang nama Malaysia pada peringkat antarabangsa dengan sukan pendakian di Island Peak dan Lobuche Peak di Nepal yang mengambil masa pendakian hampir satu bulan, pada

2012.



Anwarrul ketika menyertai SCC Sevens di Singapura 2013.

Minat dengan sukan lasak itu bermula apabila buat kali pertama menyertai rakan sekuliah mendaki Gunung Kinabalu pada 2008 ketika bercuti semester di sana.

Bermula saat itu boleh dikatakan setiap bulan beliau akan mendaki gunung antaranya Yong Blar di Pahang, Nuang (Selangor), Chamah (Kelantan) dan Kerinci Merapi (Indonesia).

Pembabitan dalam sukan itu membawa beliau menjelajah ke seluruh pelosok dunia bagi menawar gunung-ganang tertinggi di dunia termasuk Banjaran Himalaya dan Gunung Everest.

Sering menemani bapa

Sementara itu, pelajar Tahun Tiga Jurusan Pengurusan Awam, Universiti Utara Malaysia (UUM) Mohd Wafiyuddin Abdul Manaf mula berjaya aktif dalam sukan golf sejak di sekolah, apabila sering menemani bapanya menyertai pelbagai kejohanan golf.

Beliau yang dulunya aktif berma-


in squasy mula meminati sukan itu selepas berasakan ada keunikan tersendiri apabila lokasi permainan menjadi cabaran dari segi perbezaan permukaan, jenis rumput, cuaca, ketinggian padang dari paras laut yang dapat memberi kesan kepadanya.

Walaupun usianya baru mencapai 22, beliau kini memiliki rekod tersendiri apabila berjaya mewakili Malaysia ke Kejohanan Terbuka Amatur Taiwan 2013 dan mendapat tempat ke-6.

Turut menyertai Kejohanan Asia Pasifik Amatur 2013, Nomura Cup 2013, Kejohanan Terbuka Amatur India 2013, Nick Faldo di China 2013, membuktikan Mohd Wafiyuddin setanding atlet luar negara. Lebih membanggakan beliau berjaya menyumbang pingat gangsa pada Sukan Sea Myanmar 2013.



Azim ketika mengikuti kursus pendakian di Pergunungan Blanc Perancis.



Mohd Wafiyuddin mendapat tempat ke-6 Kejohanan Terbuka Amatur Taiwan 2013.